EALUMALAI MOTTAYAN lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MOHAMAD SHARIFF ABU SAMAH PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-144-11-2016]
3 FEBRUARI 2017

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Perbicaraan – Perayu meninggal dunia – Kanun Keseksaan, s. 225(c) – Pegawai polis (perayu) dengan niat sengaja melepaskan tahanan sah dari kurungan – Perayu disabitkan atas kesalahan dan dijatuhkan hukuman penjara dua tahun – Perayu merayu tetapi meninggal dunia di peringkat rayuan – Isteri perayu memohon agar dijadikan pihak dalam rayuan bagi menggantikan perayu – Sama ada isteri perayu boleh dijadikan pihak dalam rayuan bagi menggantikannya – Sama ada rayuan boleh diteruskan walaupun perayunya sudah meninggal dunia – Kanun Tatacara Jenayah, s. 320*

Perayu, seorang anggota polis, disabitkan di Mahkamah Sesyen atas pertuduhan dengan niat sengaja melepaskan seorang tahanan sah daripada kurungannya, satu kesalahan bawah s. 225(c) Kanun Keseksaan dibaca bersama-sama s. 34 Kanun yang sama. Susulan itu, perayu dijatuhkan hukuman penjara dua tahun. Perayu merayu namun dia meninggal dunia di peringkat rayuan dan isterinya memohon agar dijadikan pihak dalam rayuan ini bagi menggantikan perayu ('si mati'). Menurut isteri si mati, memandangkan si mati digantung kerja berikutan sabitan kesalahan bagi kes tersebut, emolumen, gaji dan pencen perayu terjejas dan estet perayu mempunyai kepentingan undang-undang dan berhak pada segala emolumen, gaji dan pencen perayu yang tidak berbayar. Isu-isu berbangkit dalam rayuan ini adalah (i) sama ada isteri si mati boleh dijadikan pihak dalam rayuan ini bagi menggantikannya; (ii) sama ada rayuan boleh diteruskan walaupun perayunya sudah meninggal dunia.

Diputuskan (menolak permohonan):

(1) Berdasarkan undang-undang mantap dalam penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes *Choo Cheng Liew v. PP*, dan mengambil kira *R v. Rowe* dan *Gondada Ganapathy Rao v State of Andhra Pradesh*, permohonan isteri si mati untuk dijadikan pihak dalam tindakan ini bagi menggantikan si mati yang telah meninggal dunia bawah s. 320 Kanun Tatacara Jenayah tiada merit dan justifikasi. (perenggan 13)

(2) Proses pendengaran rayuan si mati terhenti dan perintah sabitan serta hukuman oleh Hakim Mahkamah Sesyen berkuat kuasa. (perenggan 23)

Kes-kes yang dirujuk:
Choo Cheng Liew v. PP [1997] 1 CLJ 520 FC ***(dirujuk)***
Dalip Bhagwan Singh v. PP [1997] 4 CLJ 645 FC ***(dirujuk)***
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2010] 8 CLJ 934 CA ***(dirujuk)***
DPP v. Humphrys [1977] AC 1 ***(dirujuk)***
Gondada Ganapathy Rao v. State of Andhara Pradesh [1964] 7 SCR 261 ***(dibezakan)***

A *Harnam Singh v. The State of HP AIR [1975] 236* ***(dirujuk)***
Hodgson v. Lakeman [1943] 1 KB 15 ***(dibezakan)***
Jason Chan Huan Sen & Ors v. PP [2014] 2 CLJ 605 CA ***(dirujuk)***
Karpal Singh v. PP [1991] 2 CLJ 1458; [1991] 1 CLJ (Rep) 183 SC ***(dirujuk)***
Karpal Singh Ram Singh v. PP & Another Appeal (No 2) [2016] 8 CLJ 65 CA ***(dirujuk)***
Tan Jye Yee & Anor v. PP [2015] 2 CLJ 745 CA ***(dirujuk)***
B *Young v. Bristol Aeroplane Company Limited [1944] KB 718* ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, s. 66
Criminal Procedure Code, s. 320
Penal Code, ss. 34, 225B, 225(c)

C Penal Code [Ind], s. 70
The Prevention of Corruption Act 1988 [Ind], s. 5(1)(d), (2)

Bagi pihak responden - Ahmad Nazneen Zulkifli; TPR
Bagi pihak pemohon - Eric Paulsen; T/n Daim & Gamany

D *Dilaporkan oleh Najib Tamby*

PENGHAKIMAN

Mohamad Shariff Abu Samah PK:

E **Latar Belakang Kes**

[1] Pada peringkat permulaan, ini merupakan satu rayuan yang difailkan oleh perayu (En Ealumalai a/l Motayyan) terhadap keputusan yang telah dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen pada 15 September 2015 di mana perayu telah disabitkan kesalahan menurut s. 225(c) Kanun Keseksaan yang
F dibaca bersama dengan s. 34 Kanun Keseksaan dan dihukum di bawah seksyen yang sama dengan penjara selama dua tahun. Pihak perayu menghadapi pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama dengan seorang yang masih bebas pada 12 Ogos 2013 jam antara 9.30 pagi sehingga 10.46 pagi, bertempat di lokap
G berpusat Jinjang, Kuala Lumpur dengan niat sengaja melepaskan seorang tahanan yang sah iaitu Osuji Kelly Prince PP: A04332350 di atas suatu kesalahan yang dipertuduh di atas suatu kesalahan yang boleh diseksa dengan bunuh di bawah Seksyen 39B ADB 1952 dengan sengaja melepaskan tahanan itu melarikan diri dari kurungannya. Maka kamu dengan ini, telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum
H di bawah Seksyen 225(c) Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun Keseksaan

Hukuman

Jika sabit kesalahan, hendaklah dihukum dengan penjara selama tempoh
I yang boleh sampai tujuh tahun dan hendaklah juga dikenakan denda.

[2] Pihak perayu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi pada 28 September 2015 dan rayuan yang difailkan oleh pihak perayu telah didaftarkan atas nombor rujukan: Rayuan Jenayah No. MT: 42S(A)-105-10-

2015. Kes rayuan ini belum didengar dan diputuskan oleh mahkamah ini. Walau bagaimanapun pada 24 Oktober 2016, perayu (selepas ini dirujuk sebagai "si mati") telah meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya. Justeru itu isteri kepada si mati iaitu Puan Gogilavani a/p Sinnathamby (No. KP: 630419-02-5570) (selepas ini dirujuk sebagai "pemohon") telah memfailkan satu notis usul bertarikh 21 November 2016 dengan disokong oleh afidavit yang diikrarnya bertarikh 18 November 2016 memohon kepada mahkamah ini untuk dijadikan satu pihak di dalam tindakan kes rayuan di atas bagi menggantikan si mati sebagai perayu yang telah meninggal dunia menurut s. 320 Kanun Tatacara Jenayah. Di antara alasan-alasan yang diberikan oleh pemohon adalah seperti berikut:

(a) Perayu (En Ealumalai a/l Motayyan) (iaitu si mati) telah meninggal dunia pada 24 Oktober 2016 iaitu sebelum rayuan ini dapat didengar; dan

(b) Rayuan ini perlu diteruskan memandangkan perayu adalah anggota polis yang telah ditahan kerja selepas tindakan tatatertib dan seterusnya digantung kerja berikutan sabitan kesalahan bagi kes di atas. Oleh itu emolumen, gaji dan pencen perayu adalah terjejas yang mana estet perayu mempunyai kepentingan undang-undang dan berhak kepada segala emolumen, gaji dan pencen perayu yang tidak berbayar.

[3] Justeru itu, di atas permohonan ini telah diterima dan didaftarkan di atas nombor: Permohonan Jenayah No: 44-144-11-2016. Kedua-dua kes rayuan dan permohonan jenayah ini telah dibawa ke hadapan saya. Setelah meneliti kedua-dua tindakan tersebut, pada hemat saya adalah sebelum saya mendengar merit kes rayuan jenayah di atas, adalah perlu untuk melupuskan dan mendengar permohonan jenayah isteri kepada si mati dahulu. Ini adalah kerana pada hemat saya persoalan yang akan timbul selepas daripada ini adalah; Bolehkah rayuan perayu (si mati) dapat diteruskan walaupun perayu sebenar telah pun meninggal dunia? Sekiranya saya berpendapat bahawa isteri si mati iaitu Puan Gogilavani boleh dijadikan satu pihak di dalam tindakan ini bagi menggantikan perayu/si mati yang telah meninggal dunia, maka pendengaran kes rayuan akan boleh didengar dan diputuskan selepas daripada ini. Sebaliknya, sekiranya saya berpendapat bahawa permohonan isteri perayu atau si mati tidak boleh diakaskan dan diterima, maka kes rayuan perayu/si mati akan terhenti dengan sendirinya mulai dari tarikh kematiannya dan perintah sabitan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen akan terlaksana. Oleh yang demikian, saya telah mengarahkan pihak-pihak peguam dan Timbalan Pendakwa Raya agar pendengaran kes rayuan jenayah dapat ditangguhkan dahulu dan memberi laluan kepada pendengaran kes permohonan jenayah dan diputuskan.

[4] Dalam notis usul pemohon bertarikh 21 November 2016, pemohon telah membuat permohonan kepada mahkamah ini untuk memohon perintah-perintah seperti berikut:

A (a) Bahawa Gogilavani a/p Sinnathamby (No. Kp: 630419-02-5570) isteri kepada Ealumalai a/l Mottayan (No. Kp: 621127-02-5881) iaitu perayu dalam tindakan ini, dijadikan satu pihak di dalam tindakan ini bagi menggantikan perayu yang telah meninggal dunia, di bawah s. 320 Kanun Tatacara Jenayah; dan

B (b) Bahawa tindakan ini dapat diteruskan dengan Gogilavani a/p Sinnathamby (No. Kp: 630419-02-5570) iaitu isteri kepada Ealumalai a/l Mottayan (No. Kp: 621127-02-5881) sebagai perayu.

[5] Dalam menyokong permohonan ini, pemohon telah mengemukakan alasan-alasannya seperti berikut:

C (i) Pada semua masa yang material termasuk pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis usul, pemohon adalah merupakan isteri yang sah kepada perayu/si mati;

(ii) Pemohon menyokong permohonan untuk mendapatkan perintah supaya D rayuan kes dalam tindakan ini, iaitu Mahkamah Tinggi Rayuan Jenayah No. 42S(A)-105-10-2015 dapat diteruskan dengan pemohon dijadikan pihak yang menggantikan perayu/si mati;

(iii) Suami pemohon iaitu perayu/si mati dalam tindakan kes rayuan ini telah meninggal dunia pada 24 Oktober 2016;

E

(iv) Perayu/si mati telah pun disabitkan kesalahan pada 15 September 2016 oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur menurut s. 225(c) Kanun Keseksaan yang dibaca bersama dengan s. 34 Kanun Keseksaan dan dijatuhi hukuman penjara selama dua (2) tahun. Perayu/si mati telah F pun memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi bertarikh 28 September 2016 dan rayuan tersebut pada masa ini belum didengar dan diputuskan lagi;

(v) Oleh kerana tindakan ini masih lagi belum selesai, pemohon iaitu isteri kepada perayu/si mati ingin meneruskan tindakan ini bagi dijadikan G sebagai satu pihak di dalam tindakan ini bagi tujuan menggantikan perayu/si mati sebagai perayu dalam tindakan ini atas sebab-sebab berikut:

(a) Perayu/si mati adalah seorang anggota polis yang telah dikenakan perintah tahan kerja bertarikh 14 Ogos 2013 berikutan tindakan H tatatertib yang telah pun diambil terhadap si mati berhubung Jinjang Repot No. 17503/2013 dan siasatan di bawah s. 225B Kanun Keseksaan. Akibat perintah tahan kerja, si mati hanya dibayar setengah (1/2) gaji bulanan;

I (b) Selepas disabitkan dengan kesalahan pada 15 September 2015, si mati telah digantung kerja menurut surat gantung kerja bertarikh 19 Januari 2016 dan oleh itu tidak berhak menerima apa-apa emolumen mulai dari tarikh penggantungan kerja tersebut, iaitu

sejak sabitan kesalahan tersebut. Seterusnya, si mati juga tidak berhak menerima apa-apa emolumen yang tidak dibayar semasa ditahan kerja; dan

(c) Justeru itu, pencen si mati juga turut terjejas.

[6] Justeru itu, kesan daripada permohonan pemohon adalah:

(a) Memohon kepada mahkamah ini agar mengeluarkan satu perintah untuk membenarkan pemohon, Gogilavani a/p Sinnathamby (No. Kp: 630419-02-5570) iaitu isteri kepada Ealumalai a/l Mottayan (No. Kp: 621127-02-5881) untuk dijadikan satu pihak di dalam tindakan ini bagi menggantikan perayu/si mati yang telah meninggal dunia;

(b) Memohon perintah mahkamah ini agar kes rayuan: Rayuan Jenayah No. MT: 42S(A)-105-10-2015 dapat didengar dan diputuskan keputusannya.

Peruntukan Statut

Seksyen 320 Kanun Tatacara Jenayah

320. Kematian pihak yang berkenaan dengan rayuan

Tiap-tiap rayuan di bawah Seksyen 306 hendaklah diberhentikan apabila tertuduh mati, dan tiap-tiap rayuan yang lain di bawah Bab ini (kecuali suatu rayuan terhadap hukuman denda) hendaklah diberhentikan apabila Perayu mati.

Keputusan Mahkamah

[7] Dalam memutuskan permohonan pemohon, mahkamah ini perlu untuk menilai persoalan-persoalan berikut iaitu:

(i) Bolehkah isteri kepada mendiang Perayu dijadikan satu pihak dalam kes Rayuan Jenayah No. MT: 42S(A)-105-10-2015 bagi menggantikan Perayu yang telah meninggal dunia?

(ii) Samada kes rayuan mendiang Perayu ini boleh diteruskan walaupun Perayu telah meninggal dunia?

Isu Pertama

Bolehkah Isteri Kepada Mendiang Perayu Dijadikan Satu Pihak Dalam Kes Rayuan Jenayah No. MT: 42S(A)-105-10-2015 Bagi Menggantikan Perayu Yang Telah Meninggal Dunia?

[8] Menurut s. 320 Kanun Tatacara Jenayah menyatakan:

… every appeal under Section 306 shall finally abate on the death of the accused and every other appeals under this Chapter (except an appeal against sentence of fine) shall finally abate on the death of the Appellant …

Dalam kes: *Choo Cheng Liew v. PP* [1997] 1 CLJ 520; [1996] 2 MLRA 142 (FC), ianya merupakan suatu rujukan kepada Mahkamah Persekutuan yang dibuat di bawah s. 66 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang telah dimansuhkan. Tertuduh (si mati) dalam mahkamah di bawah telah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah s. 4(a) Akta Pencegahan Rasuah 1961, dan telah dijatuhkan hukuman penjara selama satu hari dan denda sebanyak RM4,000 oleh Mahkamah Sesyen. Beliau juga telah diperintahkan supaya membayar penalti sebanyak RM500 kepada Kerajaan. Si mati telah membayar denda serta penalti itu dan selepas itu telah merayu terhadap sabitan. Si mati, walau bagaimanapun, telah mati ketika rayuan itu sedang menantikan penyelesaian, lalu balunya, perayu yang dinamakan di sini, telah berusaha untuk mendakwa rayuan itu bagi pihaknya. Hakim rayuan telah memutuskan bahawa kesan akhir kematian itu ke atas rayuan adalah membuatkan rayuan tersebut terhenti memandangkan peruntukan s. 320 Kanun Tatacara Jenayah. Menurut hakim yang bijaksana, balu si mati tidak mempunyai *locus standi* untuk mendakwanya. Yang Arif juga berpendapat bahawa tidak terdapat peruntukan-peruntukan dalam Kanun Keseksaan Malaysia sepertimana yang terdapat dalam s. 70 Kanun Keseksaan India, dan ini menjadikan keputusan yang telah dibuatnya sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Persoalan undang-undang yang berikut telah dikemukakan untuk penentuannya:

> (i) Sama ada, atas alasan Seksyen 320 Kanun Prosedur Jenayah, sesuatu rayuan oleh tertuduh kepada Mahkamah Tinggi terhadap Sabitan dan suatu hukuman komposit denda dan pemenjaraan yang telah dijatuhkan terhadapnya oleh Mahkamah Sesyen, berhubung dengan kesalahan-kesalahan meminta dan menerima rasuah dengan melanggari Seksyen 4(a) dan 3(a) Akta Pencegah Rasuah 1961 masing-masingnya, akan terhenti secara muktamadnya dengan kematian Perayu ketika menanti penyelesaian rayuan;
>
> (ii) Sama ada keesahan atau kesesuaian hukuman komposit denda dan pemenjaraan yang sedemikian semestinya melibatkan suatu pemeriksaan akan keesahan sabitan itu senditi.

Edgar Joseph Jr HMP memutuskan penghakiman Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> … in our view, the effect of Section 320 of our Code may be stated thus:
>
> The following appeals to the High Court abate on the death of the accused during the pendency of the appeal:
>
> (1) Appeals by the Public Prosecutor when the accused person has been acquitted pursuant to Section 306 of our Code; and
>
> (2) Appeals against conviction where the only sentence imposed is that of imprisonment …
>
> The rule of abatement of criminal appeals contained in Section 320 of our Code does not apply to appeals from a sentence of fine or a composite order of sentence combining the substance imprisonment with fine …

[9] Dalam memutuskan prinsip di atas, Mahkamah Persekutuan telah merujuk kepada kes: *Harnam Singh v. The State of HP*, AIR 1975 SC 236, Chandrachud J (pada ketika itu) menyatakan:

> … when considering appeals which survive notwithstanding the death of the accused during their pendency, the legality or propriety of the sentence of fine is of course, open to challenge. It follows that if the conviction is unsustainable, the sentence, whatever it may be, would have to be set aside …
>
> In enunciating the above principles, we gratefully acknowledge the assistance we have derived from the judgment of Chandrachud J (As he then was) in *Harnam Singh v. The State of HP*, AIR (1975) 236, which is precisely in point …

Dalam kes di atas, perayu telah disabitkan kesalahan di bawah s. 5(1)(d) dan 5(2) Akta Pencegahan Rasuah India dan telah dikenakan hukuman penjara dan denda Rs300. Mahkamah Agong Delhi telah membenarkan balu kepada perayu/si mati untuk menggantikan tempatnya dalam pendengaran rayuannya. Walau bagaimanapun, Mahkamah Agong mengakaskan sabitan tetapi meminda hukuman kepada penjara satu tahun dan denda dikekalkan. Dalam meneliti penghakiman kes ini, saya mendapati bahawa Mahkamah Agong Delhi telah membenarkan balu si mati untuk dijadikan pihak-pihak yang merayu menggantikan tempat perayu/si mati berikutan hukuman yang dikenakan adalah melibatkan gabungan hukuman penjara dan denda. Dalam penghakiman kes: *Harnam Singh (supra)*, Mahkamah Agong India menyatakan keadaan sedikit berbeza apabila mahkamah membezakan dengan kes: *Gondada Ganapathy Rao v. State of Andhara Pradesh* [1964] 7 SCR 261:

> … the appellant was convicted by the High Court under Section 302 Penal Code and was sentenced to imprisonment for life. He filed an appeal in this Court by special leave but died during the pendency of the appeal. His sons and daughter applied for substitution as his legal representatives contending that the conviction of their father had resulted in his removal from Government Services and if the conviction were set aside the estate will be able to claim the arrears of salary from the date of conviction till the date of his death. This Court declined to permit the legal representatives to continue the appeal on the ground that the claim on the strength of which they sought permission to continue the appeal was too remote. This appeal is, distinguishable as the appeal was not from a sentence of fine and as the interest of the legal representatives was held to be contingent and not direct …

[10] Dalam masa yang sama, Mahkamah Persekutuan juga merujuk kepada kes: *Hodgson v. Lakeman* [1943] 1 KB 15, di dalam penghakiman di ms. 526:

> … on the other end of the scale, under the English law, a fine is in the nature of a monetary penalty which is due to the Crown, and when a man is sentenced to pay a fine, there at once arises a debt of record (that is by judgment) to the Crown. Thus, where the accused was sentenced to imprisonment and fine and the sentence also provided in default of payment of fine, and when the accused died while serving the

A imprisonment without paying the fine, it was held the fine could be recovered by the Crown from personal representatives of the accused even after his death …

In *Hodgson v. Lakeman* [1943] 1 KB 15, a fine of 35s was imposed on Hodgson after the Court convicted him, in his capacity as a Council's clerk
B … Hodgson entered an appeal against his conviction and on his application the justices stated a case, but he died before the appeal could be heard by the High Court. In a short judgment, viscount Caldecote CJ held that when an appeal to the High Court against a conviction by justices has been entered but the appellant dies before it has been heard, and it appears that his executors have an interest in the appeal, the Court
C has jurisdiction to allow the executors to prosecute the appeal. In contrast would be the case of *R v. Rowe* (1955) 2 All ER 234, where Ivor Clyde Rowe was convicted at Bedford County Quarter Sessions on 18 February 1955, of false pretences and sentenced to eighteen months' imprisonment. On 21 February 1955, he gave notice of application for leave to appeal against conviction, but on the night of 6/7 March 1955, he died in prison.
D His widow now applied for leave to continue his application. Lord Goddard CJ after referring to *Hudgson v. Lakeman (supra)* held that the sentence of being one of imprisonment and the prisoner having died, neither his widow nor his executors or administrators has any such legal interest as would justify the Court's allowing them to continue the appeal and accordingly the application was refused …

E

[11] Dalam kes rayuan di hadapan saya, saya mendapati bahawa perayu/si mati telah didapati bersalah dan dikenakan hukuman dua tahun penjara mulai 15 September 2015. Saya mendapati bahawa itulah sahaja satu-satunya hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen. Tiada kedapatan
F perayu/si mati dikenakan juga hukuman denda ataupun gabungan kedua-dua hukuman penjara dan denda. Menurut penghakiman kes: *Choo Cheng Liew (supra)*, yang merupakan penghakiman Mahkamah Persekutuan, saya penuh percaya dan mengikat mahkamah ini, saya berpendapat bahawa rayuan perayu/si mati yang telah meninggal dunia terhenti secara kematiannya.

G Sungguhpun begitu, peguam yang bijaksana telah menghujahkan bahawa menurut kes: *Harnam Singh (supra)*, Supreme Court of India mendapati:

… the reason of the rule contained in the exception is that a sentence of fine operates directly against the estate of the deceased and therefore the legal representatives are entitled to clear the estate of the deceased
H from the liability whether or not the sentence of fine is combined with any other sentence can make no difference to the application of that principle …

Begitu juga dalam kes: *Hodgson v. Lakeman (supra)*, peguam menghujahkan bahawa:

I … the court cannot hear counsel for a dead person, if the executors satisfy the court that they have an interest in the appeal, the court, by its inherent jurisdiction, can allow them to proceed with the appeal. That was done in *Siberry v. Connoly*, I concede that the executors here have an interest …

[12] Setelah mengkaji hujahan peguam dan saya telah meneliti semula kedua-dua kes di atas, adalah didapati bahawa hakim mahkamah telah membenarkan permohonan untuk balu dan wakil bagi mengambil alih serta dijadikan satu pihak dalam prosiding rayuan tersebut kerana hukuman yang terlibat adalah hukuman denda sahaja dan gabungan dengan hukuman penjara. Pada hemat saya kedua-dua kes rujukan peguam, adalah bersamaan dengan kes: *Karpal Singh Ram Singh v. PP & Another Appeal (No 2)* [2016] 8 CLJ 65, [2016] 5 MLRA 196 Kamardin Hashim HMR menyatakan:

> (1) The appeals were formerly lodged by the late Karpal Singh a/l Ram Singh (YB Karpal) against both conviction and sentence handed down by the High Court under Section 4(1)(b) of the Sedition Act 1948. YB Karpal was fined RM4,000 in default four month imprisonment for the conviction. The said fine has since been paid;
>
> Before the appeals were finally heard and disposed of by this court, YB Karpal had passed away on 17 April 2014 in a motor vehicle accident. By virtue of Section 320 of the Criminal Procedure Code (CPC), the the appeals should finally be abated on the death of YB Karpal. Nevertheless, by an order of this court dated 10 November 2014, the appeals were allowed to be proceeded by the widow of YB Karpal as a substitutes. Section 320 of the CPC provides:
>
> 320. Death of parties to appeal
>
> Every appeal under Section 306 shall finally abate on the death of the accused, and every other appeal under this Chapter (except an appeal against a sentence of fine) shall finally abate on the death of the appellant …

[13] Justeru itu berdasarkan kepada undang-undang mantap dalam penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes: *Choo Cheng Liew (supra)* yang mengikat mahkamah ini dan mengambil kira penghakiman dalam kes: *R v. Rowe (supra)* dan *Gondada Ganapathy Rao v. State of Andhra Pradesh (supra),* saya ingin menegaskan bahawa permohonan balu perayu/si mati, Gogilavani a/p Sinnathamby untuk dijadikan satu pihak di dalam tindakan ini bagi menggantikan perayu/si mati yang telah meninggal dunia di bawah s. 320 Kanun Tatacara Jenayah tiada merit dan justifikasi.

Isu Kedua

Sama ada Kes Rayuan Mendiang Perayu Ini Boleh Diteruskan Walaupun Perayu Telah Meninggal Dunia?

[14] Mahkamah ini ingin mengulangi penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes: *Choo Cheng Liew v. Public Prosecutor (supra)*;

> … The following appeals to the High Court abate on the death of the accused during the pendency of the appeal:
>
> (3) Appeals by the Public Prosecutor when the accused person has been acquitted pursuant to Section 306 of our Code; and

A (4) Appeals against conviction where the only sentence imposed is that of imprisonment …

[15] Pihak peguam dalam kes: *Hodgson v. Lakeman (supra)* juga memohon kepada mahkamah ini agar menggunakan kuasa "inherent power" memandangkan balu kepada perayu/si mati mempunyai kepentingan dan B merit kepada rayuan tersebut. Semasa pendengaran kes permohonan ini, saya telah mengemukakan persoalan kepada peguam sekiranya kes rayuan ini berjaya dan sabitan diketepikan, maka balu kepada perayu/si mati akan memperolehi segala emolumen dan pencen. Sebaliknya, sekiranya kes rayuan ini gagal dan sabitan serta hukuman dikekalkan, siapa yang nak C masuk penjara. Persoalan ini tidak berjawab oleh peguam. Dalam mengimbangi situasi ini, saya ingin merujuk kepada kes: *Karpal Singh v. Public Prosecutor* [1991] 2 CLJ 1458; [1991] 1 CLJ (Rep) 183; [1991] 1 MLRA 96, [1991] 2 MLJ 544 (SC), Mahkamah Agong memutuskan bahawa:

D … In matters like criminal law of purely domestic nature our view is that the court will only exercise its inherent power when there is miscarriage of justice. The court must be very careful that the decision is not in conflict with the intention of the legislature as indicated in statutory powers. The inherent power apparently cannot be invoked to override an express power or when there is another remedy available. Where the E legislature has provided a particular mode of action or has vested an authority with powers to act in a particular manner and has prescribed the conditions limiting the scope of such action, the court cannot act outside those powers and conditions …

[16] Begitu juga penghakiman Mahkamah Rayuan dalam kes: *Dato' Seri* F *Anwar Ibrahim v. PP* [2010] 8 CLJ 934; [2010] 6 MLJ 533, mahkamah memutuskan bahawa:

… The Supreme Court however held that the High Court may invoke such prerogative powers in rare instances where it is right to do justice to the accused …

G **[17]** Kedua-dua kes di atas ini adalah bersamaan dan selaras dengan penghakiman keputusan Majlis Privy dalam kes: *DPP v. Humphrys* [1977] AC 1 (HL) seperti berikut:

… A judge must keep out of the arena. He should not have or appear to have any responsibility for the institution of a prosecution. The H functions of the prosecutors and of judges must not be blurred. If a judge has power to decline to hear a case because he does not think it should be brought, then it soon may be thought that the cases he allows to proceed are cases brought with his consent or approval …

[18] Di atas perkara-perkara ini, saya ingin menyatakan bahawa mahkamah I mendapati tiada keperluan untuk menggunakan "inherent power" memandangkan tiada wujud apa-apa jua salah laksana keadilan (miscarriage of justice) semasa menimbangkan permohonan kes ini.

[19] Mahkamah ini ingin merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dalip Bhagwan Singh v. PP* [1997] 4 CLJ 645; [1997] 1 MLRA 653, [1998] 1 MLJ 1 yang memberi petunjuk dan panduan kepada mahkamah ini dan mahkamah rendah mengenai keputusan yang harus diikuti. Antara isu dalam kes *Dalip Bhagwan Singh* di Mahkamah Persekutuan adakah sama ada "appellate court can refuse to apply with or without assigning any reason, the latest decision of the Supreme Court on a point of law and adopt an earlier decision of the Federal Court." Mahkamah Persekutuan dalam penghakiman memutuskan:

> If the House of Lords, and by analogy, the Federal Court, departs from its previous decision when it is right do so in the circumstances set out above, then also by necessary implication, its decision represents the present state of law. When two decisions of the Federal Court conflict on a point of law, the later decision therefore, for the same reasons, prevails over the earlier decision.

[20] Prinsip yang diputuskan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dalip* adalah berpandukan keputusan dalam kes *Young v. Bristol Aeroplane Company Limited* [1944] KB 718. Dalam kes tersebut, Mahkamah Rayuan memutuskan di ms. 729 hingga 730:

> the Court of Appeal is bound to follow its own decision. The only exceptions to this rule are:
>
> (1) If there is a conflicting decision, the court is entitled and bound to decide which of two conflicting decisions of its own it will follow;
>
> (2) The court is bound to refuse to follow a decision of its own which though not expressly overruled, cannot, in its opinion stand with a decision of the House of Lords;
>
> (3) The court is not bound to follow a decision of its own if it is satisfied that the decision was given *per incuriam*.

[21] Mahkamah yang mulia ini perlu berpegang dan patuh kepada 'doctrine judicial precedent' demi keutuhan undang-undang. Mahkamah Rayuan dalam *Tan Jye Yee & Anor v. PP* [2015] 2 CLJ 745; [2014] 6 MLJ 609, ms. 619 perenggan 21 H-1 dan ms. 619 perenggan A-B menegaskan kepentingan 'doctrine *stare decisis*' seperti beikut:

> The importance of the doctrine of *stare decisis* had been enunciated in a number of cases. We will only refer to one of them. In *Dato Tan Heng Chew v. Tan Kim Hor* [2006] 1 CLJ 577, Steve Shim CJ (Sabah & Sarawak) said:
>
> [3] Judicial hierarchy must be observed in the interests of finality and certainly in the law and for orderly development of legal rules as well as for the courts and lawyers to regulate their affairs. Failure to observe judicial precedents would create chaos and misapprehensions in the judicial system. This fact was certainly borne in mind by the Court of Appeal in *Periasamy s/o Sinnapan & Anor v. Public Prosecutor* [1996] 2 MLJ 557 wherein Gopal Sri Ram JCA said:

> We may add that it does not augur well for judicial discipline when a High Court judge treats the decision of the Supreme Court with little or no respect in disobedience to the well-entranched doctrine of *stare decisis*. We trust that the occasion will never arise again when we have to remind High Court judges that they are bound by all judgments of this Court and of the Federal Court and they must, despite any misgivings as a judge may entertain as to the correctness of a particular judgment of either court, apply the law as stated therein.

[22] Dalam kes yang lain, Mahkamah Rayuan juga mengulangi perkara yang sama dalam kes *Jason Chan Huan Sen & Ors v. PP* [2015] 2 CLJ 605; [2014] 6 MLRA 669, [2014] 1 MLJ 701, ms. 613-614 (CLJ); ms. 712 (MLJ) di mana Mahkamah Rayuan memutuskan:

> In the first place, it is very important to keep in mind that the doctrine of *stare decisis* dictates that as a matter of a general rule of great importance the Court of Appeal is bound to follow a decision of its own save in three main exceptions. This principle is firmly embedded in our administration of justice system and can be seen in the case of *Dalip Bhagawan Singh v. Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 1.In delivering the judgement of the Federal Court, Peh Swee Chin FCJ said:
>
> > The doctrine of *stare decisis* of the rule of judicial precedent dictates that a court other than the highest court is obliged generally to follow the decisions of the courts at a higher or the same level in the court structure subject to certain exceptions affecting especially the Court of appeal.
> >
> > The said exceptions are as decided in *Young v. Bristol Aeroplane Co Ltd* [1944] KB 718. The part of the decision in *Young v. Bristol* in regard to the said exceptions to the rule of judicial precedent ought to be accepted by us as part of the common law applicable by virtue of Civil Law Act 1956 *vide* its s. 3.
> >
> > To recap, the relevant *ration decidendi* in *Young v. Bristol Aeroplane* is that there are three exceptions to the general rule that the Court of Appeal is bound by its own decisions or by decision of courts of co-ordinate jurisdiction such as the Court of Exchequer Chamber.
> >
> > The three exceptions are first, a decision of the Court of Appeal given *per incuriam* need not be followed; secondly when faced with a conflict of past decisions of Court of Appeal, or a court of co-ordinate jurisdiction, it may choose which to follow irrespective of whether either of the conflicting decisions is an earlier case or a later one; thirdly it ought not to follow its own previous decisions when it is expressly or by necessary implication, overruled by the House of Lords, or it cannot stand with a decision of the House of Lords. There are of course further possible exception in addition to the three exceptions in *Young v. Bristol Aeroplane* when there may

be cases the circumstances of which cry out for such new exceptions so long as they are not inconsistent with the three exceptions in *Young v. Bristol Aeroplane*.

[7] The doctrine of *stare decisis* was held by the Federal Court in the case of *Metramac Corp Sdn Bhd (formerly) known as Syarikat Teratai KG Sdn Bhd) v. Fawziah Holdings Sdn Bhd* [2006] 4 MLJ 113, to be a fundamental rule of common law.

[23] Di atas perkara-perkara di atas, adalah menjadi pendirian saya bahawa segala proses pendengaran rayuan perayu/si mati adalah terhenti dan perintah sabitan serta hukuman yang diberikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen berkuat kuasa.

Keputusan Akhir Mahkamah

[24] Berdasarkan kepada hujahan-hujahan yang dikemukakan dan perkara-perkara yang dinyatakan di atas, mahkamah ini ingin menyatakan pendirian seperti berikut:

(a) Bahawa Gogilavani a/p Sinnathamby (No. Kp: 630419-02-5570) pemohon/isteri kepada Ealumalai a/l Mottayan (No. Kp: 621127-02-5881) iaitu perayu dalam tindakan ini, tidak dapat diterima dan dijadikan satu pihak di dalam tindakan ini bagi menggantikan perayu yang telah meninggal dunia, di bawah s. 320 Kanun Tatacara Jenayah; dan

(b) Bahawa tindakan ini tidak dapat diteruskan dengan Gogilavani a/p Sinnathamby (No. Kp: 630419-02-5570) iaitu isteri kepada Ealumalai a/l Mottayan (No. Kp: 621127-02-5881) sebagai perayu.

Oleh yang demikian, di atas alasan-alasan yang dibahaskan, mahkamah ini mendapati bahawa permohonan notis usul pemohon tidak mempunyai sebarang merit dan justifikasi. Justeru itu permohonan notis usul pemohon seharusnya ditolak.

Mahkamah ini merasakan adalah adil, wajar dan saksama setelah mempertimbangkan segala sudut prinsip undang-undang yang berkaitan dan alasan-alasan yang telah dinyatakan di atas. Mahkamah ini merakamkan ucapan terima kasih kepada DPP dan pihak-pihak terlibat di atas kerjasama yang diberikan dalam melupuskan kes ini.